

26 SEP 2001

Mahathir-Sarawak

JANGAN BENAR ORANG LUAR BAWA BUDAYA NEGATIF BERTAPAK -- PM

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pengundi Sarawak supaya jangan membenarkan orang luar yang membawa budaya negatif bertapak di negeri itu.

Beliau berkata rakyat Sarawak sendiri perlu menguruskan masalah dalam negeri itu dan tidak membenarkan mereka yang datang dari tempat lain membawa budaya buruk yang kasar, keras dan suka mengugut pengundi daripada masuk ke negeri itu.

"Jangan sekali-kali benar orang-orang yang datang untuk bawa budaya kasar, keras dan ugut dapat bertapak di Sarawak," katanya dalam perutusan kepada pemilih sempena pilihan raya negeri Sarawak esok yang disiarkan oleh RTM di sini hari ini.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, Kedah pada tahun lepas, golongan itu telah membuat percubaan menakutkan pengundi.

Beliau berharap pengundi di Sarawak mengundi dengan tenang kerana kerajaan akan mengadakan kawalan.

Dr Mahathir yakin rakyat Sarawak akan memilih sekali lagi calon Barisan Nasional (BN) kerana mereka dapat meneruskan dasar pentadbiran yang membawa kebaikan kepada semua kaum.

"Kerajaan BN di peringkat negeri dapat bekerjasama dengan baik dengan BN Pusat. BN Pusat sudah tentu memberi bantuan kepada kerajaan negeri," katanya.

-- BERNAMA

HK AHH NMO